

**PEKELILING PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT BIL.2/2021**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGUNAAN LESEN CISCO WEBEX UNTUK MESYUARAT/SEMINAR DALAM TALIAN**

Izinkan saya merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah memperoleh lesen platform mesyuarat/seminar dalam talian Cisco Webex selama tiga tahun sehingga April 2024. **Lesen Cisco Webex ini akan diagihkan kepada semua PTj di UKM.** Cisco Webex ini adalah platform tambahan kepada Zoom dan juga MS Teams.

3. Lesen Cisco Webex diagih berdasarkan jumlah kakitangan di PTj YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Lesen ini seharusnya digunakannya bersama antara kakitangan di PTj.

4. Sehubungan itu, pihak PTM akan melantik kakitangan yang telah dinamakan oleh Ketua Pentadbiran PTj YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sebagai Admin Cisco Webex di PTj. Admin Cisco Webex PTj ini akan diberi latihan untuk mengendalikan platform berkenaan dan mengurus penggunaan lesennya di PTj.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Panduan Ringkas Penggunaan Aplikasi Cisco Webex sebagai rujukan. Untuk maklumat lanjut mengenainya, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi [helpdesk@ukm.edu.my](mailto:helpdesk@ukm.edu.my) atau di talian 03-89217070.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




**PROF. MADYA DR. ROZILAWATI RAZALI**  
Pegawai

berlampir



- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
  - Pendaftar
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-undang



PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT  
 Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
 Telefon: +603-8921 6432/6064 Faksimili: +603-8921 6934 E-mel: mhk@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my/ptm

**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)